

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENYERAHAN BENDERA
KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SUKIPT)2018
PADA 30 JANUARI 2018
DI BILIK SEMINAR PFI 2

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa
Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan , Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).

Yang Berusaha Tuan Haji Suhizaz Sudin, Pengarah Pusat Sukan UniMAP merangkap Ketua Kontingen SUKIPT UniMAP 2018

Para Pengurus dan Jurulatih,
Atlet -atlet UniMAP,

Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama menadah tangan mengucapkan syukur ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan limpah dan keizinanNya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini untuk memberikan semangat kepada kontinjen UniMAP yang akan bertanding pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2018) nanti.
2. Terlebih dulu izinkan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya melaksanakan majlis ini dengan lancar.

Hadirin dan hadirat sekalian

SUKIPT 2018

3. Seperti yang telah kita sedia maklum, SUKIPT atau Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia bakal membuka tirai kejohanan pada 1 Februari 2018 ini untuk tempoh 10 hari dan pada kali ini Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi Tuan Rumah.
4. Saya difahamkan kontinjen UniMAP akan menyertai 11 acara iaitu Olahraga, Tenpin Bowling, Sepak Takraw, Bola Tampar Pantai, Ragbi 7's, Karatedo, Taekwondo, Tenis, Ping Pong, Silat dan Petanque.
5. Misi kita pada kali ini ialah untuk meraih kedudukan yang lebih baik berbanding edisi 2 tahun lalu. Pada SUKIPT tahun ini, saya amat berharap kita mampu meraih lebih dari **2 EMAS, 3 PERAK, 7 GANGSA** seperti yang disasarkan Pusat Sukan UniMAP.
6. Kepada para atlet UniMAP, saya berharap dengan adanya sasaran pingat ini para atlit dapat menunjukkan semangat juang yang tinggi untuk mencapai prestasi yang terbaik.

7. Gunakanlah peluang ini dengan sebaiknya dan janganlah sekadar bertanding atas prestasi selaku wakil universiti semata-mata, tetapi paling penting bersaing bagi melayakkan diri dalam pasukan kebangsaan dan akan membawa cabaran lebih besar di peringkat serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.
8. Kita amat komited dalam usaha melahirkan atlet-atlet UniMAP yang berpotensi ditonjolkan ke peringkat antarabangsa. Oleh itu merasakan SUKIPT adalah platform terbaik bagi atlet-atlet dari semua universiti mengukir nama di persada sukan kebangsaan dan antarabangsa. Mungkin tidak ramai yang yakin, sejauh mana penganjuran SUKIPT mampu untuk mengetengahkan bakat pelajar-pelajar ke persada antarabangsa.
9. Tetapi harus diingat, Kejohanan Universiti Asia (AUG) dan Kejohanan Universiti Dunia (WUG) memberi keutamaan penuh kepada pelajar berdaftar di Universiti universiti di negara ini untuk mewakili Malaysia dan peluang inilah sebenarnya yang diharapkan dapat digapai oleh anak-anak didik di UniMAP ini.
10. Hargailah kesempatan menyertai SUKIPT ini sebagai langkah permulaan untuk mencipta lebih banyak kejayaan dalam sukan dan acara yang disertai.

Hadirin sekalian,

11. Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada petang ini. Walaupun penyertaan ini merupakan penyertaan kali ke empat UniMAP, tetapi saya meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat kejohanan ini mendapat pengiktirafan sewajarnya.

12. Dengan sasaran pungutan pingat yang ditetapkan tadi, besarlah harapan saya untuk melihat Kontinjen UniMAP menghuni kedudukan 20 terbaik daripada kontinjen yang mengambil bahagian.

PENUTUP

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat Pusat Sukan UniMAP yang berusaha keras dalam membuat persediaan Kontingen UniMAP ke SUKIPT 2018. Tidak ketinggalan sekalung penghargaan diberikan kepada pihak sekretariat yang bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran penyertaan atlit pada SUKIPT kali ini.
14. Kepada semua pegawai dan atlet UniMAP, saya mewakili pengurusan tertinggi dan seluruh warga UniMAP berdoa semoga semua saudara dan saudari sekalian, selamat dalam perjalanan, menjadi yang terbaik dalam kejohanan dan kembali ke Perlis dengan penuh kejayaan dan kecemerlangan yang menjadi kebanggaan kita semua. Insya Allah.
15. Dengan lafaz Bismillahi Rahmannir Rahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Penyerahan Bendera Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2018) kepada kontinjen UniMAP.

Sekian

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.